

PENTADBIRAN MUKIM DI SUNGAI LANGAT, 1874-1942 : TUGAS DAN PENGLIBATAN PENGHULU

Oleh : Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria

Abstrak

Kajian ini membincangkan tugas dan penglibatan Penghulu di Sungai Langat sepanjang tahun 1874 hingga tahun 1942. Ia bertujuan membuktikan penglibatan Penghulu di Sungai Langat sepanjang tempoh dinyatakan kerana Emily Sadka, J.M. Gullick dan Paul H. Kratoska kurang membincangkan hal tersebut. Perbincangan mereka seolah-olah menunjukkan jawatan ini tidak begitu penting dalam perkembangan pentadbiran Selangor. Mereka hanya meneliti sistem Penghulu diaplikasikan dalam pentadbiran Selangor dan tidak termaktub dalam Surat Kuasa. Berdasarkan sumber primer seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUKNSEL), Pejabat Tanah Kuala Langat (PTKLGTL), Pejabat Daerah Sepang (PDSPG), Pejabat Daerah Ulu (Hulu) Langat (PDHLGT), Pejabat Tanah Hulu Langat (PTHLGT), Lembaga Kebersihan Hulu Langat (Sanitary Board Hulu Langat; SBHL), Pejabat Kolonial (Colonial Office; CO) dan surat khabar mencatatkan penglibatan Penghulu dalam pentadbiran Selangor. Penglibatan Penghulu amat penting dan dianggap sebagai tunjang belakang pentadbiran Selangor kerana ia adalah perantaraan antara kerajaan dengan masyarakat setempat untuk membangunkan mukim dalam aspek pentadbiran, ekonomi dan sosial. Tanpa Penghulu yang bertanggungjawab, kerajaan sukar membangunkan setiap mukim di Selangor.

Kata Kunci : Penghulu, Penolong Penghulu, Ketua Penghulu, Kuala Langat, Hulu Langat, Sungai Langat.